



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 356

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

PENANG PORT COMMISSION (PENANG PORT) (SCALE OF RATES) BY-LAWS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
(PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN VESEL

3. Jenis caj
4. Dius pelabuhan
5. Caj marin disatukan
6. Caj perkhidmatan pemaliman
7. Caj penahanan malim
8. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman
9. Caj perkhidmatan penundaan
10. Caj penahanan bot tunda
11. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan
12. Caj penggunaan himpitan
13. Caj penumpang

BAHAGIAN III

CAJ AKAUN PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN

14. Jenis caj
15. Caj am
16. Caj pesisir depan jeti persendirian, pemasangan dan terminal
17. Caj pengendalian dermaga
18. Caj penyimpanan
19. Caj pengendalian dermaga bagi kontena
20. Caj pergerakan tambahan bagi kontena
21. Caj membuka dan menutup penutup petak
22. Caj penyimpanan bagi kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK
23. Caj kontena yang ditinggalkan
24. Caj perkhidmatan kontena sejuk

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

25. Notis untuk memunggah atau memuat kargo
26. Menyimpan kargo untuk pengiriman
27. Caj terkurang
28. Caj berlebihan
29. Pembayaran caj
30. Tanan yang boleh dikenakan caj
31. Kadar kargo pindah kapal
32. Kadar kargo yang dipaletkan atau diunitkan
33. Caj penyimpanan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
(PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32, 33, 34, 66 dan 67 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*], Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 9 September 2021.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barangan berbahaya” ertinya barangan berbahaya sama ada dalam bentuk dibungkus, dikontenakan atau diangkut secara pukal, dan termasuklah barangan yang diklasifikasikan oleh Suruhanjaya mengikut kumpulan yang dinyatakan dalam Jadual C kepada Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1957 [*L.N. (N.S.) 93/1957*] dan mematuhi Kod BBMA dan penyiaran PMA lain yang berkaitan yang dipinda dari semasa ke semasa dan diguna pakai oleh Suruhanjaya;

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, bakul, tong, bekas, peti, guni, beg, pembalut, sampul atau penutup atau benda lain yang di dalamnya apa-apa kargo ditempatkan bagi maksud untuk dibawa, dikonsain, diangkut, diimport atau dieksport;

“dermaga Suruhanjaya” ertinya sesuatu himpitan, dermaga, dok, tambangan atau tempat pendaratan yang dikendalikan atau dikawal oleh Suruhanjaya;

“hari” berhubung dengan sesuatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari masa permulaan transaksi itu dengan Suruhanjaya;

“himpitan” ertinya sesuatu dok, tambangan, jeti, bagan, tempat pendaratan atau dermaga yang bersambung dengan pesisir bahagian pantai;

“kargo pindah kapal” ertinya kargo yang didaratkan dari suatu vesel dan ditempatkan dalam jagaan Suruhanjaya bagi maksud pengiriman di atas suatu vesel lain melalui bil muatan yang ditarikhkan di pelabuhan yang kargo itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa destinasiya adalah melalui Pelabuhan Pulau Pinang, dan destinasi pelabuhan terakhir yang hendaklah suatu pelabuhan selain Pelabuhan Pulau Pinang ditandakan pada setiap bungkusan atau unit yang mengandungi kargo itu dan diisytiharkan kepada Suruhanjaya sebelum atau pada masa kargo itu diletakkan dalam jagaan Suruhanjaya;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas suatu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai suatu unit tunggal;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport, yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pemunggahan atau pemuatan sesuatu kargo ke atas sesuatu vesel;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan